

## Reaksi

### Kemelut kewangan mahasiswa



**Shatesh Kumar Sangar,**  
Timbalan Naib Yang Dipertua  
(Penyelarasan Organisasi) MPP UPM



Sebagai mahasiswa berdaya saing, mereka harus menolak dorongan untuk berbelanja secara keterlaluan dalam perkara tidak sepatutnya”



**Muhammad Firdaus Zamuri,**  
Timbalan Yang Dipertua Persatuan Multimedia Kreatif UPSI



Tabungan bukan sahaja dapat mengelakkan pelajar daripada menanggung hutang tidak terurus tetapi juga boleh dimanfaatkan sewaktu kecemasan”

[GAMBAR HIASAN]



# Disiplin diri urus kewangan

Oleh Siti Syahirah  
Suhaimi

bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**ahasiswa disarankan menghususkan pembahagian kewangan kepada empat keperluan

utama bagi memastikan mereka berbelanja mengikut kadar diperuntukkan.

Empat keperluan itu ialah yuran pengajian dan penginapan, makan minum, pembelajaran serta kecemasan yang harus diuruskan secara cekap oleh mahasiswa, termasuk dengan mengamalkan disiplin diri.

Timbalan Naib Yang Dipertua (Penyelarasan Organisasi) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Shatesh Kumar Sangar, berkata amat penting untuk mahasiswa menitikberatkan perkara berkenaan supaya tidak dibelenggu krisis kewangan. “Melalui langkah itu,

pelajar dapat mengenal pasti perbezaan antara kehendak dengan keperluan dalam kehidupan harian dan mengurangkan perbelanjaan, terutama yang tidak perlu.

### Kawal nafsu berbelanja

“Cara itu sedikit sebanyak membantu mereka mengawal nafsu berbelanja sekalipun

wujud pengaruh rakan, media massa dan keadaan sekitar, sekali gus menerapkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan,” katanya.

Beliau berkata, penekanan disiplin diri sedemikian mampu menangkis keinginan untuk membeli-belah, memiliki gajet canggih dan berhibur.